

KEMBARAN B**SENARAI SEMAK UNTUK KOMANDER RENDAH / PEGAWAI MEMERINTAH
MENGURUSKAN PERTUDUHAN SECARA TERUS**

BIL	AKTIVITI	SENARIO / TINDAKAN	CATATAN
1	½ jam sebelum perbincangan	Bilik Perbincangan - Pej Disip Dokumen - PTBK Tatatertib (BAT D 200/113/69/45/87) Fail Peribadi - PTBK Tatatertib Kakitangan/saksi - PTBK Tatatertib Keselamatan - BWO / PW Skn Taklimat - Ajutan / BWO / PW Skn	Semua kakitangan/saksi bagi suatu perbincangan dikehendaki melaporkan diri kepada Ajutan / BWO/PW Skn ½ jam sebelum perbincangan dijalankan. Ajutan/BWO/PW Skn akan memberikan taklimat berkaitan dengan susunatur dan tatacara perjalanan perbincangan.
2.	5 minit sebelum perbincangan bermula	BWO/ PW Skn bariskan semua kakitangan/saksi perbincangan di luar bilik atau ruang perbincangan.	Pada lazimnya, Komander Rendah / Pegawai Memerintah telah berada didalam bilik atau ruang perbincangan bagi tujuan menyemak dokumen-dokumen yang berkaitan serta mendapatkan taklimat sepintas lalu berkaitan latar belakang kes daripada Ajutan. Setelah berpuashati dan bersedia untuk mengendalikan perbincangan, KR / PM akan mengarahkan Ajutan supaya memaklumkan kepada BWO/PW Skn untuk membawa OKT masuk.

7:15 dpd 26

3.	OKT akan dibawa masuk	<p>BWO / PW Skn akan memberikan hukuman: BICARA, BICARA..... SEDIA. KEKANAN..... LURUS. PANDANG.... HADAPAN.</p> <p>BWO/PW Skn akan melapor:</p> <p>Assalamualaikum/Selamat Pagi/Petang Tuan, KEBENARAN MEMBAWA MASUK BICARA, TUAN, TERIMA KASIH TUAN.</p> <p>BERGERAK KEKANAN/KIRI DALAM SATU BARISAN, KEKANAN/KIRI.....PUSING</p> <p>DARI DEPAN, CEPAT JALAN.</p> <p>BICARA HENTI / HENTAK KALI</p> <p>BICARA AKAN MENGADAP KEHADAPAN, KE KIRI / KANAN PUSING.</p> <p>KEKANAN LURUS</p> <p>PANDANG HADAPAN</p> <p>BWO/PW Skn memberi tabik hormat, dan melapor</p> <p>YANG DITUDUH, NO.TEN: _____ PKT: _____ NAMA: _____ SIAP UNTUK DIBICARAKAN, TUAN</p>	<p>Pergerakan masuk / keluar akan didahului oleh pengiring.</p> <p>Berhentikan barisan dihadapan KR/PM.</p> <p>Tentukan OKT berada betul-betul di hadapan, di tengah-tengah mengadap kepada KR/PM. BWO /PW Skn berada di belakang OKT.</p> <p>Tiada pergerakan "senang diri" sepanjang perbicaraan terus.</p>
4.	Pengesahan identiti OKT dan pertuduhan yang dikenakan	<p>KR / PM memulakan perbicaraan dengan mengesahkan identiti OKT.</p> <p>KR / PM membacakan pertuduhan sepertimana di dalam BAT D 200</p>	OKT menjawab; TUAN

		<p>KR / PM membacakan senarai nama saksi-saksi pendakwaan/saksi-saksi tambahan di bawah Kaedah 37 PU (A) 163.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sekiranya semua saksi telah dibawa masuk sekaligus, arahkan BWO / PW Skn untuk membawa keluar saksi kedua, ketiga dan seterusnya. - Jika saksi tidak dibawa masuk kerana masalah ruang bicara, arahkan BWO / PW Skn untuk membawa masuk saksi pertama. 	<p>BWO / PW Skn akan membawa keluar saksi-saksi lain kecuali saksi pertama sahaja. Kemudian kembali menempatkan dirinya di belakang OKT.</p> <p>BWO / PWP membawa masuk saksi pertama. Jika berpangkat F/Sjn dan kebawah hendaklah "dipandu masuk" (march-in). Bagi yang berpangkat PW dan keatas serta anggota awam hendaklah dijemput masuk.</p>
5.	KR / PM memberi pilihan kepada OKT samada inginkan saksi memberi keterangan secara bersumpah atau tidak.	<p>Jika keterangan dikehendaki secara bersumpah, Ajutan akan mentadbirkan sumpah.</p> <p>Jika tidak bersumpah, saksi terus memberikan keterangan.</p>	
6.	Saksi pertama telah selesai memberikan keterangan	KR / PM hendaklah memberi pilihan kepada OKT untuk menyoal balas saksi (jika ada).	
7.	Saksi pertama telah selesai disoal balas	Arahkan BWO / PW Skn untuk membawa keluar saksi pertama dan membawa masuk saksi kedua dan seterusnya.	Keseluruhan proses membawa masuk dan keluar saksi adalah seperti di bilangan 5 hingga 7 sehingga semua saksi telah selesai memberikan keterangan.

8.	Kesemua saksi telah selesai memberikan keterangan	<p>KR / PM hendaklah memberikan pilihan kepada OKT untuk mengemukakan saksi-saksi pembela (jika ada).</p> <p>KR / PM memberikan pilihan kepada OKT untuk membela diri</p>	Arahkan BWO / PW Skn untuk membawa masuk saksi-saksi pembela (jika ada)
9.	Saksi-saksi pembela atau OKT telah selesai memberikan keterangan	<p>Arahkan BWO / PW Skn untuk membawa keluar OKT.</p> <p>BWO / PW Skn akan memberi hukuman:</p> <p>BERGERAK KE KANAN DALAM SATU BARISAN, KE KANAN...PUSING. DARI DEPAN, CEPAT JALAN.</p> <p>KR / PM akan meneliti fakta kes dan, mempertimbangkan kesalahan (jika ada) serta bentuk hukuman yang bersesuaian.</p>	<p>Pergerakan keluar didahului oleh Pengiring.</p> <p>OKT dibariskan di luar bilik bicara.</p> <p>BWO/PW Skn masuk kembali ke ruang bicara untuk mendapatkan arahan selanjutnya daripada KR / PM</p>
10.	KR / PM telah selesai mempertimbangkan fakta kes	<p>Arahkan BWO / PW Skn untuk membawa masuk kembali OKT.</p> <p>Tatacara membawa masuk sama seperti di bilangan 3, tetapi BWO / PW Skn tidak perlu melapor lagi.</p>	
11.	OKT telah berada kembali dihadapan KR / PM	<p>Sekiranya tiada kes, umumkan pertuduhan ditolak / digugurkan.</p> <p>Sekiranya ada kes untuk diteruskan</p> <p>- Beri pilihan kepada OKT samada mahu menerima hukuman oleh KR / PM atau mahu dirujuk kepada Mahkamah Tentera jika sekiranya hukuman yang bakal dijatuhkan itu akan melibatkan lucutan gaji atau penurunan pangkat.</p>	<p>BWO / PW Skn akan terus membawa OKT keluar mengikut tatacara seperti di bilangan 9</p> <p>Jika OKT memilih untuk dibicarakan oleh Mahkamah Tentera, arahkan BWO / PW Skn untuk membawa keluar OKT.</p> <p>Arahkan Ajutan untuk melaksanakan pengambilan Ringkasan/Cabutan Keterangan</p>

12.	OKT memilih untuk menerima hukuman terus	Beri peluang kepada OKT untuk mengemukakan apa-apa rayuan bagi meringankan hukuman.	OKT akan mengemukakan rayuan untuk meringankan hukuman (jika ada)
13.	OKT telah selesai mengemukakan rayuan	Umumkan keputusan.	
14.	Hukuman telah diumumkan	BWO / PW Skn akan terus memberikan hukuman untuk membawa keluar OKT daripada ruang bicara. Tindakan adalah seperti di bilangan 9.	Bawa keluar OKT dan bariskan kembali OKT bersama pengiring dan saksi diluar bilik / ruang bicara.
16.	OKT dan kakitangan bicara telah siap dibariskan di luar ruang / bilik bicara	<p>BWO / PW Skn akan memberikan hukuman: BICARA, BICARA... SEDIA KE KANAN... LURUS PANDANG... HADAPAN</p> <p>BWO / PW Skn akan melapor kepada KR / PM:</p> <p>Assalamualaikum/Selamat Pagi/Petang Tuan, KEBENARAN UNTUK BICARA BERSURAI, TUAN, TERIMA KASIH TUAN.</p>	<p>BWO / PW Skn akan memberikan hukuman SENANG DIRI</p> <p>Memberikan taklimat berkaitan dengan hukuman / keputusan yang telah dijatuhkan.</p> <p>Menguruskan pemeriksaan perubatan khas dan menyediakan Jadual 16 jika OKT perlu diletakkan di dalam tahanan atau tangkapan rapi</p>
17.	Perbicaraan telah sempurna diselesaikan	Ajukan hendaklah menentukan tindakan dokumentasi diambil dengan serta-merta.	

		<ul style="list-style-type: none">- Memaklumkan keputusan perbicaraan kepada pihak atasan melalui kawat/faks- Menyediakan permohonan kelulusan hukuman (jika perlu)- Menentukan hukuman diisytiharkan di dalam PERBAH II Pasukan.- Menentukan rekod kesalahan dicatitkan didalam BAT D 69 / BAT D 113- Menentukan hukuman dilaksanakan sepertimana yang diarahkan.	
--	--	--	--